



کوپراسی کسانوان کوزوملا اجوملایسیا بات برہادر

KOPERASI KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT BERHAD

Bangunan KGMMB, No. 720 Jalan Sentul, 51000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-40411723/25, 03-40453743/75 Fax: 03-40411730

**MINIT MESYUARAT AGUNG KOPERASI KGMMB BERHAD
KAWASAN NEGERI SEMBILAN KE-13 : 2023**

TARIKH : 21 Mei 2023
MASA : 9.00 pagi
TEMPAT : Masjid Kariah Paroi Jaya, Seremban
Negeri Sembilan

KEHADIRAN: 317 orang anggota

TURUT HADIR:

- | | |
|----------------------------------|------------------------------------|
| 1. Cikgu Hj. Abdullah bin Mamat | Timb. Pengerusi Koperasi KGMMB Bhd |
| 2. Cikgu Ahmad Nawawi bin Shaari | Setiausaha Koperasi KGMMB Bhd |
| 3. Cikgu Hj Mohd Said bin Hussin | Bendahari Koperasi KGMMB Bhd |
| 4. Cikgu Hj Masron bin Muhammad | Anggota Lembaga Koperasi |

AGENDA 1: DOA;

- 1.1 Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah dan doa Oleh Cikgu Mohd Salleh bin Ismail agar mesyuarat diberkati Allah SWT.

AGENDA 2: UCAPAN PENERUSI KAWASAN;

- 2.1 Mesyuarat dimulai oleh Pengerusi Kawasan, Cikgu Hj Hamzah bin Koleh (04991) yang mengucapkan terima kasih atas kehadiran Timb. Pengerusi Cikgu Hj. Abdullah bin Mamat, Setiausaha Koperasi Cikgu Ahmad Nawawi bin Shaari, Bendahari Cikgu Hj. Mohd Said bin Hussin yang telah bertukar menjadi perwakilan Melaka dan Pengurus Besar En Ahmad Fahrulrazi serta semua anggota dan staf koperasi yang meluangkan masa hadir dalam mesyuarat agung kawasan negeri Negeri Sembilan pada kali ke-13 dalam memberi sokongan menjayakan mesyuarat ini.
- 2.2 Pengerusi yang merupakan Pengerusi Unit Pembiayaan mengharapkan anggota memberi sokongan kepada koperasi dalam membuat pembiayaan dengan koperasi terutama untuk pembelian barangan pengguna dari pembekal yang turut serta dalam promosi jualan semasa MAK.

- 2.3 Pengerusi berharap ahli KGMMB dan anggota koperasi sama-sama berkempen untuk menarik lebih ramai guru-guru baru menyertai koperasi disamping faedah dan kebajikan lain yang diberikan oleh koperasi seperti TPKA untuk anak melanjutkan pelajaran, kecemerlangan dalam pelajaran, kematian, hospital, bencana alam, umarah/haji dan Derma Kematian.
- 2.4 Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pembekal yang dapat turut serta dalam MAK Negeri Sembilan. Elaun kehadiran mesyuarat sebanyak RM100.00 dan jamuan makan disediakan kepada anggota koperasi yang hadir dalam mesyuarat ini. Sebagai tambahan sempena MAK ini ahli yang baru menjadi anggota koperasi juga akan dibayar elaun kehadiran mesyuarat RM100.00 seorang.

AGENDA 3 : UCAPAN WAKIL KOPERASI KGMMB BERHAD;

- 3.1 Yg. Bhg. Cikgu Hj. Abdullah bin Mamat, Timbalan Pengerusi koperasi mewakili Pengerusi, Cikgu Ibrahim bin Marlan menyampaikan salam daripada Pengerusi yang tidak dapat hadir kerana bertugas dan seterusnya mengucapkan terima kasih atas kehadiran ramai anggota pada Mesyuarat Agung Kawasan bagi sesi tahun 2023/2024 bagi pemilihan perwakilan untuk MAPT yang dijangka diadakan Jun 2023 di Kuala Lumpur. Ini menunjukkan minat anggota untuk mengetahui aktiviti dan perkembangan semasa koperasi serta bagi memenuhi keperluan Akta Koperasi 1993 seksyen 36 dan 37.

- 3.2 Timbalan Pengerusi memaklumkan keuntungan koperasi pada tahun berakhir 31 Disember 2022 menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu RM2,746,105 berbanding RM1,175,997 pada tahun 2021 iaitu meningkat sebanyak RM1,570,108. Pendapatan koperasi tahun ini ialah RM4,317,797 dan perbelanjaan sebanyak RM1,913,958.

Sumber pendapatan lain koperasi ialah daripada Unit Pengguna RM39,696, Unit Projek RM399,027 manakala Unit Hotel masih menunjukkan kerugian RM96,458 pada tahun 2022.

- 3.3 Timbalan Pengerusi memaklumkan bagi memastikan koperasi terus mencapai keuntungan koperasi perlu mengukuhkan strategi perniagaan terutama dalam pembiayaan dengan menggalakkan anggota untuk membuat pembiayaan di koperasi bagi pembiayaan peribadi, pembiayaan khas dan pembiayaan pengguna. Aktiviti koperasi yang lain seperti;
 - 3.3.1 Pembangunan projek perumahan di Lanchang, Pahang yang telah habis dijual pada tahun 2022

- 3.3.2 Merangka pembangunan hartanah di Gemuruh, Terengganu dan Lanchang, Pahang
 - 3.3.3 Pusat dialisis usahasama dengan MyAngkasa di Sg. Tong, Setiu, Terengganu.
 - 3.3.4 Unit Hotel koperasi masih mencari ruang untuk mendapatkan keuntungan dengan ini menyeru kepimpinan sekolah, PPD dan JPN untuk datang melawat Melaka dan menginap di hotel kita.
 - 3.3.5 Koperasi juga merancang untuk pembangunan hartanah samada dalam bentuk pecahan lot, jualan terus atau dimajukan sebagai kawasan perumahan bagi nilai hartanah yang bersesuaian.
- 3.4 Timbalan Pengerusi memaklumkan koperasi tersenarai dalam 100 koperasi terbaik Malaysia di kedudukan ke-85 bagi tahun 2022 daripada lebih 10,000 buah koperasi yang ada di seluruh negara. Hal ini membuktikan tadbir urus koperasi berjalan mengikut garis panduan yang betul. Tahniah kepada semua yang berusaha menaikkan nama koperasi setanding dengan koperasi besar yang lain.
- 3.5 Timbalan Pengerusi memaklumkan bagi menambah keanggotaan, koperasi bekerjasama dengan Syarikat Takaful sebagai rakan kongsi seperti Great Eastern bagi mencapai sasaran 30,000 anggota pada tahun 2025.
- 3.6 Timbalan Pengerusi memaklumkan pembiayaan koperasi berlandaskan patuh syariah di bawah produk Tawaruq dan Al-Mudharabah mulai 1/8/2019. Alhamdulillah koperasi berjaya mengeluarkan pembiayaan sebanyak RM7.3 juta kepada anggota bagi tahun 2022 dengan pecahan RM1.9 juta pembiayaan pengguna, RM4 juta pembiayaan peribadi dan pembiayaan khas sebanyak RM1.4 juta.
- 3.7 Timbalan Pengerusi memaklumkan dalam menjaga kebajikan anggota di bawah TPKA sebanyak RM1,809,609 telah diberikan kepada anggota bagi tahun 2022. Pecahan perbelanjaan ini ialah melanjutkan pelajaran RM280,333.25, kecemerlangan RM82,134.50, bencana alam RM38,575.25, kematian RM174,097, faedah hospital RM144,642.75 dan faedah bersara RM303,164. Mulai tahun 2019 yuran DK dinaikkan daripada RM3.00 sebulan kepada RM6.00 dan sumbangan kematian juga ditingkatkan daripada RM10,000 kepada RM20,000 untuk kematian biasa dan RM30,000 kematian akibat kemalangan. Ini bermakna kita berinfak kepada waris yang kehilangan anggota keluarga di seluruh negara secara tidak langsung.

Dengan sokongan daripada anggota dan staf diharapkan perniagaan koperasi akan terus bertambah maju dan memohon maaf jika ada salah

dan silap. Akhir kata dengan lafaz Bismillah, Timbalan Pengerusi merasmikan mesyuarat Agung Kawasan kali ke-13 dengan harapan mesyuarat berjalan lancar dan tahniah sebagai negeri ke-10 mengadakan MAK tahun 2023.

AGENDA 4 : MELANTIK SEORANG PENERUSI MESYUARAT;

- 4.1 Cikgu Putra bin Hashim (24230) mencadangkan Cikgu Hj Hamzah bin Koleh (04991) sebagai Penerusi Mesyuarat yang disokong sebulat suara oleh ahli mesyuarat.

AGENDA 5 : MELANTIK SEORANG PENCATAT MINIT;

- 5.1 Mesyuarat bersetuju melantik staf dari ibu pejabat koperasi sebagai pencatat minit mesyuarat.

AGENDA 6 : MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT KAWASAN KE-12 (2020);

- 6.1 Setiausaha Mesyuarat Cikgu Nasri bin Ramli (25058) membentangkan minit mesyuarat agung kawasan Negeri Sembilan ke-12 (2020) pada 18 Oktober 2020.

Cadangan : Cikgu Abd Hanem bin Mat Kilau (13498)

Sokongan : Cikgu Roslan bin Mohammad (15902)

AGENDA 7: MEMBENTANGKAN LAPORAN TAHUNAN DAN DERAH AKAUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022;

- 7.1 Setiausaha koperasi, Cikgu Ahmad Nawawi bin Shaari membentangkan Laporan Tahunan dari muka surat 2 hingga muka surat 29.

Mesyuarat bersetuju menerima Laporan Tahunan koperasi dari muka surat 2 hingga muka surat 29.

- 7.2 Bendahari koperasi, Cikgu Hj Mohd Said bin Hussin membentangkan Derah Akaun berakhir 31 Disember 2022 dari muka surat 35 hingga muka surat 42.

Mesyuarat bersetuju menerima Laporan Kewangan berakhir 31 Disember 2022 dari muka surat 35 hingga muka surat 42.

AGENDA 8 : MEMBENTANGKAN BAJET TAHUN 2024 UNTUK DIBENTANGKAN DI DALAM MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN;

- 8.1 Bendahari koperasi, Cikgu Hj. Mohd Said bin Hussin membentangkan bajet tahun 2024 dari muka surat 30 hingga muka surat 34.

Mesyuarat menerima bajet tahun 2024 dari muka surat 30 hingga muka surat 34.

AGENDA 9 : CADANGAN PINDAAN KEPADA UUK;

- 9.1 - tiada -

AGENDA 10: MELANTIK ANGGOTA PERWAKILAN;

- 10.1 Pengerusi memohon anggota-anggota yang hadir untuk melantik seramai 8 anggota daripada 9 anggota perwakilan Negeri Sembilan kecuali Pengerusi sendiri yang merupakan Anggota Lembaga Koperasi supaya dapat menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dalam mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan dijangka diadakan pada 23-24 Jun 2023 di Kuala Lumpur.

- 10.2 9 orang calon perwakilan yang dilantik adalah seperti berikut :-

- 10.2.1 Cikgu Hj Hamzah bin Hj Koleh (04991)
- 10.2.2 Cikgu Mohd Faisal bin Baharim (27421)
- 10.2.3 Cikgu Abd Hanem bin Mat Kilau (13498)
- 10.2.4 Cikgu Mohd Zamri bin Abdul Aziz (37794)
- 10.2.5 Cikgu Iszam bin Ismail (18791)
- 10.2.6 Cikgu Zalifah binti Kadir (27174)
- 10.2.7 Cikgu Md Kahar bin Kasim (24839)
- 10.2.8 Cikgu Alfian bin Mansor (23267)
- 10.2.9 Cikgu Roslan bin Mohammad (15902)

AGENDA 11: MENIMBANG USUL-USUL DARI LEMBAGA DAN ANGGOTA;

- 11.1 - Tiada -

AGENDA 12 : MELANTIK AHLI JAWATANKUASA KAWASAN;

- 12.1 Pengerusi Mesyuarat memaklumkan AJK Kawasan Negeri Sembilan terdiri daripada 9 orang perwakilan yang telah dilantik.

AGENDA 13 : UCAPAN PENANGGUHAN;

- 13.1 - Tiada –

AGENDA 14 : HAL-HAL LAIN;

- 14.1 Taklimat mengenai talian telco RedOne dan SA (Agen Jualan) disampaikan oleh pegawai pemasaran RedOne yang juga membuka booth jualan untuk kemudahan anggota yang ingin menukar talian telco atau mengambil pakej Mukmin50 dan sebagainya.
- 14.2 Taklimat oleh Pn Nor Zuraidah daripada Takaful Iktisas mengenai insurans dan hibah.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi dan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mohon maaf jika terdapat sebarang kekurangan kepada semua anggota yang hadir di mesyuarat kawasan Negeri Sembilan pada hari ini.

Minit dicatat oleh :

(Hjh. Norsimah binti Zainal Abidin)
Pengurus Pentadbiran